

NOTA MAKLUMAN
ISU PEMBAKARAN JERAMI PADI DI KEDAH

TUJUAN

Tujuan Nota Makluman ini adalah untuk memaklumkan hasil pemantauan Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah berhubung isu pembakaran jerami padi di Kedah.

LATARBELAKANG

2. Pembakaran jerami padi dilakukan selepas musim menuai padi sebelum penanaman padi bermula. Di Kedah penanaman padi dilakukan dua (2) kali iaitu pada Januari – Mac dan Ogos – September setiap tahun.
3. Dua (2) aduan pembakaran terbuka jerami padi diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah dari Januari hingga Mac 2016.
4. Aduan diterima daripada orang awam dan Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar yang menyatakan pembakaran ini telah menyebabkan kacauganggu kepada penduduk dan juga pesakit hospital.
5. Pengadu meminta kaedah yang lebih mesra alam digunakan daripada kaedah pembakaran yang dilakukan pada masa ini

PERKARA – PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

6. Pemantauan pada 23 Mac 2016 oleh JAS Kedah sekitar 1 KM jejari daripada Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar mendapati terdapat kesan pembakaran jerami di keseluruhan kawasan bendang khususnya di bahagian Selatan Hospital. ([rujuk Lampiran I](#))

7. Di selatan Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar dan bersebelahan dengan kuarters hospital terdapat kawasan bendang sementara di bahagian utara Hospital adalah kawasan perumahan.

8. Aktiviti penanaman padi bagi seluruh Negeri Kedah adalah di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA). MADA bertanggungjawab dalam menyelaras, menyelia dan memantau pelaksanaan projek – projek pembangunan berkaitan industri tanaman padi dan pembangunan infrastruktur serta kemudahan asas, projek bukan padi dan industri asas tani serta pembangunan institusi peladang.

9. Pihak MADA memaklumkan petani hanya menggunakan kaedah bakar sahaja untuk melupuskan jerami padi. Setakat ini tiada teknologi atau kaedah lain digunakan. Nasihat tidak menggalakkan pembakaran terbuka di kawasan tertentu seperti berhampiran *highway* atau kawasan sensitif juga turut dikeluarkan oleh MADA kepada semua Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

10. Pembakaran jerami dijangka akan berakhir pada pertengahan April 2016. Bagi penanaman padi dan bekalan air musim pertama 2016 dijangka bermula pada pertengahan April 2016. ([rujuk Lampiran II Jadual bekalan air MADA](#)).

11. Pembakaran jerami bagi tahun 2016 musim kedua dijangka akan dilakukan lagi diantara bulan Ogos dan September 2016.

12. Bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di Alor Setar dari 1 Mac hingga 23 Mac 2016 adalah ditahap sederhana dengan bacaan IPU diantara 49 hingga 60. ([rujuk Lampiran III Graf IPU](#))

13. Pemerhatian mendapati tiada asap dan jerebu di kawasan yang diadukan..

Kawalan Pembakaran Jerami

14. Aktiviti pembakaran jerami padi (batang padi) adalah aktiviti yang diisytiharkan bukan pembakaran terbuka di bawah aktiviti 3(e) Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Diisytiharkan)(Pembakaran Terbuka) 2003.

15. Walau bagaimanapun aktiviti ini tidak dibenar dilakukan pada masa jerebu dengan bacaan API di kawasan berkaitan melebihi 100 sebagaimana di dalam Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan.

TINDAKAN OLEH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI KEDAH

16. JAS Negeri Kedah telah dan akan menjalankan pemantauan di sekitar kawasan yang diadukan sehingga aktiviti pembakaran jerami selesai.

17. Aduan ini telah dipanjangkan kepada Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Jabatan Pertanian Negeri Kedah bagi menangani isu pembakaran terbuka termasuk mengenalpasti kaedah lain yang lebih mesra alam membakar yang boleh diamalkan untuk pelupusan jerami.

PENUTUP

Adalah dipohon mengambil maklum mengenai hasil pemantauan Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah berhubung dengan isu pembakaran jerami padi di negeri Kedah. .

Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah
23 Mac 2016

LAMPIRAN I



Kesan pembakaran jerami padi di kawasan selatan Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar



Kawasan bendang bersebelahan dengan Hospital Sultanah Bahiyah,
Alor Setar (bahagian selatan hospital)



Kawasan baru perumahan berhampiran dengan Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar (bahagian selatan hospital)




Kawasan bendang di kawasan Hutan kampung di bahagian utara Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar



Kawasan bendang bersebelahan dengan
Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar

KEDUDUKAN PERSEKITARAN HOSPITAL SULTANAH BAHIYAH, ALOR SETAR DALAM 1 KM RADIUS





GRAF BACAAN INDEK PENCEMARAN UDARA 23 MAC 2016

